

12 pelajar berpeluang ke APSDA

SHAH ALAM – AkzoNobel dan Pertubuhan Jurureka Dalamana Malaysia (MSID) baru-baru ini melancarkan Bengkel Pelajar Persatuan Jurureka Ruang Asia Pasifik (APSDA) MSID-Dulux.

Bengkel itu menawarkan peluang keemasan kepada 12 pelajar untuk menyertai Perhimpunan Agung dan Kongres APSDA 2010 di Beijing, China pada 9 hingga 12 Oktober ini.

Bengkel itu diadakan di kampus tujuh buah universiti dan kolej di Lembah Klang dan bakal menyaksikan lebih 700 pelajar rekaan dalamana dari 12 universiti dan kolej mempelajari dan menguasai kemahiran warna dan reka bentuk lestari.

Para pelajar kemudiannya perlu menggunakan kemahiran yang dipelajari dalam satu pertandingan rekaan.

Seorang pemenang akan dipilih daripada setiap universiti dan kolej untuk menyertai APSDA di Beijing.

Di samping itu, MSID akan mengatur peluang bekerja sambil belajar di firma jurureka dalamana yang terkemuka untuk setiap seorang daripada 12 pemenang.

Pengarah Sumber Manusia ICI Paints Malaysia Sdn. Bhd., sebuah syarikat AkzoNobel, Kassim Ali

yakin usaha mengasah bakat tempatan penting untuk masa depan negara.

Institusi yang turut serta ialah Kolej Antarabangsa ALFA, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech, Kolej Antarabangsa KBU, Kolej Komuniti Selayang, Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing.

Institut Seni Lukis Malaysia, Kolej Seni Lukis dan Seni Reka PJ, Kolej Saito, Kolej University Taylor's, UCSI University dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.



NURUL Nadia (dua dari kanan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia akan ke Sidang Kemuncak APSDA di Beijing pada Oktober ini.